Jan 2020

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# 79th ISSUE

# infokampus

## UiTM SARAWAK BULLETIN










# BUDAYAW2019

By : Associate Professor Dr. Margaret Chan

Associate Professor Dr. Margaret Chan was invited as one of the speakers in BUDAYAW2019-Colloquim in conjunction with the 2nd BIMP-EAGA Budayaw Festival 2019 held on the 20–22 November 2019. BIMP-EAGA stands for Brunei, Indonesia, Malaysia, Philippines East Asean. The festival was celebration of arts and culture, which was held from 19-23 November 2019 in Kuching, Sarawak with the themes 'Beauty in Cultural Diversity' showing the solidarity among people from member-countries all different in culture, yet identical in tradition. The five-day Festival celebrated the diversity of creative expressions of cultural masters and artists from Malaysia, Brunei, Indonesia and Philippines came to a close yesterday. It exhibited the solidarity between the member-countries, which also composed of workshops, performances and exhibitions such as Budayaw tourism expo, Budayaw creativity crafts and Budayaw fashion show. It was part of the BIMP-EAGA senior officials and ministerial meeting in the city. Associate Professor Dr. Margaret Chan presented her paper jointly with Susana Williams on 'Developing Creative Tourism: A Solution to Preserving the Iban Bead Culture of Sarawak.'



Associate Dr. Margaret Chan and Heidi Munan, Direction of Crafthub Sdn Bhd and world-renowned Beads expert locally from Kuching



Utusan Sarawak RABU • 5 FEBRUARI 2020 • 11 JAMADILAKHIR 1441H — TEMPATAN • 15

## UiTM perkasakan komuniti Beting Maro

PENYERAHAN aset untuk kegunaan komuniti Beting Maro.

BETING MARO – UiTM Cawangan Sarawak dengan kerjasama komuniti Kampung Spinang dan Kampung Semarang di Beting Maro telah menganjurkan Program Pemerkasaan Komuniti Beting Maro: Inovasi dan Keusahawanan.

Kampung Spinang telah dipilih sebagai lokasi penganjuran program yang telah berlangsung selama tiga hari, bermula pada 31 Januari hingga 2 Februari 2020 itu.

Antara objektif utama program ini adalah untuk memperkasakan pembangunan komuniti yang kreatif dan berdaya saing melalui penganjuran karnival mini reka cipta dan inovasi.

Ia melibatkan komuniti setempat yang ternyata cukup kreatif dan inovatif di dalam penghasilan pelbagai hasil seni dan kraftangan.

Selain itu juga, tenaga pengajar daripada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Cawangan Sarawak turut membantu golongan usahawan merebut peluang pasaran baharu melalui bengkel pembungkusan produk.

Ini penting bagi memastikan produk-produk keluaran komuniti Kampung Spinang ini lebih dikenali.

Malah penganjuran bengkel pembungkusan dilihat sebagai satu usaha lonjakan kepada usahawan agar produk keluaran mereka mempunyai identiti tersendiri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N29 Beting Maro Razaili Gapor turun padang untuk menyokong penganjuran program ini.

Mengulas ringkas mengenai program ini, beliau berkata, kerjasama yang dijalinkan dengan UiTM Cawangan Sarawak mampu membantu komuniti Kampung Spinang dan Kampung Semarang dari segi perkongsian ilmu, lebih-le-bih lagi tenaga pengajarnya di kalangan pensyarah, kakitangan sokongan dan mahasiswa.

Program ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti sesi motivasi UPSR/PT3/SPM, taklimat Selangkah ke UiTM untuk lepasan SPM, pameran daripada agensi-agensi luar, pertandingan mewarna, sukaneka dan pertandingan masakan.

Majlis Penutupan Program Pemerkasaan Komuniti Beting Maro: Inovasi dan Keusahawanan telah dihadiri oleh Rektor UiTM Cawangan Sarawak Profesor Dato Dr. Jamil Hamali dan Razaili Gapor.

PERTANDINGAN inovasi.

KOMUNITI bersama UiTM Cawangan Sarawak.

PERTANDINGAN mewarna.

# PROGRAM PEMERKASAAN KOMUNITI

# Anugerah Pascasiswazah *Graduate on Time* (GOT) 2018

Oleh: PM Dr. Corina Joseph






Pada 2 Mei 2019 lepas, Profesor Madya Dr. Corina Joseph dari Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Sarawak telah dijemput sebagai penerima anugerah sempena Majlis Apresiasi Penyelidikan dan Inovasi yang diadakan di UiTM Cawangan Selangor. Tujuan utama majlis ini dianjurkan adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pensyarah-pensyarah yang telah menunjukkan kecemerlangan di dalam MyRA Skor, penyelidikan, penerbitan, inovasi, perolehan geran serta penyeliaan pascasiswazah GOT. Profesor Madya Dr. Corina Joseph merupakan Penyelia Utama kepada pelajar Master of Science (Accountancy – AC750) iaitu Joanne Shaza Janang yang telah berjaya menyiapkan pengajian beliau dalam tempoh kurang 2 tahun.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


## Corporate Communications Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak**
**Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2**
**Jalan Datuk Mohd Musa**
**94300 Kota Samarahan**
**Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110**
**E-mail: corporate@uitm.edu.my**
**www.sarawak.uitm.edu.my**



ISSN 2232-1578
9 772232 157005